

SPESIFIKASI TEKNIKAL

**SEBUTHARGA BIL. 11/2020:
PERKHIDMATAN PERCETAKAN BUKU START ME UP:
KIT PANDUAN BAGI PERMULAAN PERNIAGAAN**

1. OBJEKTIF

- 1.1 ‘Buku Start Me Up: Kit Panduan Bagi Perniagaan Permulaan’ ini merupakan panduan langkah demi langkah untuk bakal usahawan yang ingin menceburi bidang perniagaan dan juga untuk para usahawan sedia ada yang ingin mengukuhkan perniagaan mereka. Kit Panduan ini amat berguna bagi perusahaan mikro untuk mengendalikan perniagaan dengan lebih cekap dan berkesan.

2. SKOP PERKHIDMATAN

- 2.1 Penyediaan Konsep Kreatif, Rekabentuk & *Typesetting* (Dwibahasa)
- 2.2 Percetakan buku (Dwibahasa - Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)

3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- 3.1 Bayaran dibuat secara one-off selepas kesemua perkhidmatan disempurnakan dengan memenuhi keperluan dan kehendak yang ditetapkan.
- 3.2 Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima Inbois serta Nota Penghantaran (delivery order) daripada pembekal.

4. SYARAT-SYARAT LAIN

- 4.1 Mempunyai status syarikat bertaraf Bumiputera.
- 4.2 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang bersesuaian seperti berikut:
221601 dan 221615
- 4.3 Pemilihan penyeutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di jadual pematuhan di bawah.
- 4.4 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya pembekal:
- a) Tidak memenuhi Skop Perkhidmatan yang telah dipersetujui

- b) Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Perkhidmatan
 - c) Tidak memenuhi syarat-syarat berkaitan Pereka Grafik
 - d) Tidak mematuhi Jadual Penghantaran yang ditetapkan
- 4.5 Buku *Start Me Up: Kit Panduan Bagi Perniagaan Permulaan*' dengan segala maklumat, gambar dan reka bentuk grafik yang diterbitkan adalah hak milik terpelihara SME Corp. Malaysia. Cetakan dan penerbitan semula 'Buku *Start Me Up: Kit Panduan Bagi Perniagaan Permulaan*' dan sebarang bahagian buku ini oleh mana-mana pihak lain adalah tidak dibenarkan tanpa persetujuan bertulis daripada SME Corp. Malaysia.
- 4.6 Penghantaran sebanyak **4,500** naskah buku merangkumi **2,500** naskah edisi Bahasa Melayu dan **2,000** naskah edisi Bahasa Inggeris perlu dibuat dalam tempoh masa atau pada tarikh yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia. Sekiranya pembekal gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan Liquidated & Ascertained Damages (LAD) berdasarkan formula berikut:

$$= \frac{\text{Kadar Pinjaman Asas (BLR)}}{100} \times \frac{\text{Kos Projek}}{365}$$

(tertakluk kepada jumlah minima RM100 sehari)

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	ANGGARAN KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	KEPERLUAN AM				
1.1	<p>Mengemukakan perkara-perkara seperti di bawah <u>semasa menawarkan sebut harga:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> a) <u>Contoh jenis kertas</u> yang dicadangkan <ul style="list-style-type: none"> • Kulit: 310 gsm Artcard • Helaian Dalaman & 'Insert': 100gsm Simili b) <u>Contoh bahan-bahan penerbitan</u> berkaitan pernah diterbitkan oleh pembekal. c) Profil Pereka Grafik <ul style="list-style-type: none"> • Senarai bahan-bahan penerbitan yang pernah dikendalikan oleh pereka grafik. d) Salinan surat pelantikan Pereka Grafik (sebagai bukti status pelantikan sebagai pekerja tetap) 				
1.2	<p>Menyediakan khidmat <u>Pereka Grafik yang berpengalaman</u> dengan kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) <u>Pekerja Tetap dengan Pembekal:</u> Pereka Grafik yang ditugaskan oleh Pembekal mestilah berstatus pekerja tetap dengan Pembekal. Pekerja sambilan adalah tidak dibenarkan kecuali mempunyai pengalaman yang luas dalam mengendalikan laporan tahunan 				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	ANGGARAN KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	<p>b) <u>Kelayakan Pendidikan:</u> Pereka Grafik hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah <i>Art & Design (Graphic Design)</i> / <i>Advertising Design</i> / <i>Visual Communication</i> dengan pengkhususan dalam bidang Penerbitan atau yang setaraf dengannya.</p> <p>c) <u>Pengalaman Kerja:</u> Pereka Grafik Kanan (<i>Senior Graphic Designer</i>):</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya <u>selama 10 tahun</u> dalam bidang Reka Bentuk Grafik ▪ Mempunyai pengalaman dan kemahiran tinggi dalam menyediakan konsep, mereka bentuk grafik dan membuat kerja-kerja <i>typesetting</i> untuk penerbitan Laporan Tahunan jabatan / agensi / badan berkanun Kerajaan dan lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan <p>d) <u>Mempunyai Peralatan dan Perisian Lengkap:</u> Pembekal perlu membekalkan Pereka Grafik yang ditugaskan dengan peralatan dan</p>				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	ANGGARAN KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	<p>perisian yang lengkap bagi melaksanakan kerja-kerja penyediaan konsep, reka bentuk grafik, <i>typesetting</i> dan lain-lain kerja yang berkaitan.</p> <p>e) <u>Boleh Bekerja di Premis SME Corp. Malaysia di Luar Waktu Pejabat, Hujung Minggu dan Cuti Umum:</u> Pereka Grafik yang ditugaskan oleh Pembekal perlu bersedia untuk bekerja di premis SME Corp. Malaysia, di luar waktu pejabat, hujung minggu dan cuti umum, apabila diperlukan dan pada peringkat akhir / pemuktamadan (<i>finalisation</i>), bagi memenuhi tarikh serahan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia.</p>				
1.3	<p>Pihak Pembekal haruslah menjalankan <u>kerja-kerja kawalan kualiti</u> seperti berikut:</p> <p>a) Menyemak dan membaca pruf (<i>proofreading</i>) untuk versi <u>Bahasa Inggeris</u> dan memastikan tiada kesalahan dari segi ejaan, reka bentuk, visual, layout, format dan penyeragaman</p>	20 muka surat			

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	ANGGARAN KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	<p>(standardisation) pada Reka Bentuk Grafik (termasuk Graf, Diagram, Carta, Jadual)</p> <p>b) Menyediakan Artwork Akhir Berwarna (Coloured Final Artwork) untuk kelulusan sebelum Pruf Warna (Colour Proof). Pembetulan haruslah dilakukan sehingga SME Corp berpuas hati dengan artwork.</p> <p>c) Menyediakan Pruf Warna (Colour Proof) untuk kelulusan SME Corp. Malaysia sebelum cetakan dibuat.</p>				
2.	KANDUNGAN DAN ARTWORK				
2.1	<ul style="list-style-type: none"> • <u>SME Corp Malaysia</u> akan <u>membekal Artwork</u> yang lengkap kepada syarikat pembekal <u>untuk buku versi Bahasa Melayu (kandungan dan grafik)</u> kepada syarikat pembekal. • Pembekal perlu menyediakan <u>Artwork untuk buku versi Bahasa Inggeris berdasarkan kandungan</u> yang akan disediakan oleh SME Corp Malaysia. 	30 muka surat			
		20 muka surat			

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	ANGGARAN KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
2.2	<p>Menyerahkan <u>Artwork Akhir (Final Artwork)</u> dan <u>Salinan Induk (Masterfile)</u>:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyerahkan <u>softcopy Artwork Akhir (Final Artwork)</u> dalam <u>format PDF</u> dan <u>Adobe InDesign</u> untuk ‘Buku Start Me Up: Kit Panduan Bagi Perniagaan Permulaan’ kepada SME Corp Malaysia. Serahan <u>softcopy tidak melibatkan sebarang peralatan storan (DVD / thumbdrive / external hard drive etc.)</u> 	2 salinan			
2.3	<p>Menyerahkan <u>Salinan Induk (Masterfile)</u> (iaitu fail yang boleh digunakan semula / menghasilkan filem) bagi <u>Artwork Akhir (Final Artwork)</u> untuk ‘Buku Start Me Up: Kit Panduan Bagi Perniagaan Permulaan’ kepada SME Corp. Malaysia. Serahan <u>softcopy tidak melibatkan sebarang peralatan storan (DVD / thumbdrive / external hard drive etc.)</u></p>	2 salinan			
3.	KERJA- KERJA TYPESETTING & MOCK-UP				
3.1	<p>Menyediakan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <u>Work-in-Progress Artwork</u> (Cetakan Digital) <u>Work-in-Progress Mockup</u> (Cetakan Digital) 	<p>2 salinan</p> <p>1 salinan</p>			

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	ANGGARAN KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	<p>c) <u>Artwork Akhir (Final Artwork)</u> (Cetakan Digital)</p> <p>d) <u>Final Mock-up</u> (Cetakan Digital)</p> <p>e) Pisah Warna Filem dan Pruf Warna</p> <p>SME Corp. Malaysia berhak menolak <i>mock-up</i> yang tidak berkualiti dan tidak memenuhi keperluan.</p>	<p>2 salinan</p> <p>1 salinan</p> <p>30 muka surat</p>			
4.	PERCETAKAN BUKU				
4.1	<p>a) <u>Cetakan Offset:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 4 Warna / 4-Colour (Kulit Buku & Halaman Dalam Buku) <p>b) <u>Jumlah Buku:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 4,500 naskah (2,500 versi Bahasa Malaysia dan 2,000 versi Bahasa Inggeris) <p>c) <u>Bilangan Mukasurat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>180 muka surat</u> tidak termasuk kulit depan dan kulit belakang untuk kedua-dua buku versi Bahasa Malaysia dan Inggeris. <p>d) <u>Ukuran Buku:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Saiz Tutup:</u> 	<p>2,500 naskah (BM)</p> <p>2,000 naskah (BI)</p> <p>180 muka surat</p>			

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	ANGGARAN KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	<p>230 mm tinggi x 165 mm lebar</p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Saiz Buka:</u> 230 Mm tinggi x 330 mm lebar +spine • Poket bergam di belakang (Senarai Format) 10 keping dimasukkan ke dalam poket di kulit <p>e) <u>Jenis Kertas:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kulit : 310gsm • Helai Dalaman & 'Insert': 100gsm Simili • Teks : 180 mukasurat • 'Insert' : A4 x 2 helai A5 x 8 helai <p>f) <u>Kulit Buku (Book Cover):</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 310 gram Artcard <p>g) <u>Kemasan Kulit Buku:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Matt Laminate & Spot UV</i> di kulit • <i>Matt Laminate</i> di poket <p>h) <u>Jilid:</u> Perfect/Gam</p>				
4.2	Kelulusan mencetak adalah berdasarkan <i>final mock-up</i> yang dipersetujui dan diluluskan SME Corp. Malaysia.				
4.3	Pihak SME Corp. Malaysia berhak menolak cetakan 'Buku Start Me Up-Kit Panduan Perniagaan Permulaan' yang mempunyai				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	ANGGARAN KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	kesalahan yang disebabkan oleh pembekal.				
4.4	Berupaya mencetak 'Buku Start Me Up-Kit Panduan Perniagaan Permulaan' dalam jangkamasa <u>14 hari bekerja (3 minggu termasuk hujung minggu)</u> selepas mendapat kelulusan untuk mencetak daripada SME Corp. Malaysia.				
5.	PENGHANTARAN 'BUKU START ME UP - KIT PANDUAN PERNIAGAAN PERMULAAN'				
5.1	Membuat penghantaran <u>4,500 naskhah</u> buku 'Buku Start Me Up - Kit Panduan Perniagaan Permulaan' ke SME Corp Malaysia iaitu dalam jangkamasa <u>21 hari bekerja (4 minggu termasuk hujung minggu)</u> selepas mendapat kelulusan untuk mencetak daripada SME Corp. Malaysia.				

* sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 11/2020.

.....
 Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :
 Cop Syarikat :